

# Kenyataan PM untuk hapus isu perkauman

BH - 2 SEP 2000

PEKAN, Jumaat - Kenyataan tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan khas sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-43, adalah amaran bahawa sesiapa bertindak merosakkan perpaduan negara mesti bertanggungjawab, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, tindakan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu), menyebabkan orang Cina yang sederhana, terutama dalam MCA dan Gerakan berada dalam keadaan serba salah.

"Jika mereka tidak menyokong sedikit sebanyak keputusan itu, mereka mungkin hilang pengaruh dan jika berbuat demikian, ia bertentangan dengan pendirian orang Melayu,

terutama Umno serta ikatan mereka dalam kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Selain itu, kita juga mendapati orang Melayu sudah mula bertindak, bukan saja melaluf media, tetapi pada peringkat kampung atau akar umbi, macam-macam suara lan-tang sudah dilafazkan orang Melayu, berhubung tuntutan Suqiu.

"Akhirnya kalau negara ini tenggelam dalam kancah pergelutan antara kaum, akibatnya adalah amat buruk kepada kita dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Suqiu yang menolak pandangan Dr Mahathir bahawa tindakan mereka memperjuangkan 17 tuntutan hampir sama dengan komunis.

Najib ditemui di pusat

penempatan Orang Asli Kampung Landai, selepas majlis perjumpian dengan masyarakat Orang Asli di kampung terbabit, dekat sini hari ini.

Menurutnya, sebelum perkara itu menjadi seperti 'api dalam sekam', Dr Mahathir berhasrat memadamkan isu itu melalui kenyataan yang tegas.

"Walaupun Suqiu bukan komunis, tindakan mereka boleh memecahkan perpaduan antara kaum dalam negara ini dan itulah yang kita sifatkan bertentangan dengan usaha kita untuk membina sebuah negara bersatu padu," katanya.

Beliau juga tidak menolakan kemungkinan Suqiu diperalatkan kumpulan tertentu yang mempunyai kepentingan.

"Bagaimanapun, kita ha-

rap mereka tidak sanggup dijadikan alat kepada mana-mana pihak, selain memikirkankan bahawa mereka adalah sebahagian masyarakat Malaysia yang sudah menikmati dan mengecapi kekayaan, terutama dalam pembangunan, serta pertumbuhan ekonomi.

"Sebenarnya orang Cina mendapat faedah besar daripada pembangunan ekonomi, tetapi rahsia di sebaliknya kejayaan ekonomi itu ialah kerana orang Melayu memberi sokongan kukuh kepada kerajaan.

"Negara kita aman dan stabil, tetapi apabila perkara asas seperti kedudukan hak istimewa orang Melayu atau cara pelaksanaannya dipersoalkan, ia sudah pasti mengguris perasaan orang Melayu," katanya.